

09 AUG 1996

Mahathir-Hidro

PROJEK HIDRO LAIN AKAN DIBANGUNKAN JIKA SESUAI: DR MAHATHIR

KUCHING, 9 Ogos (Bernama) -- Kerajaan akan membangunkan projek hidro lain di Sarawak selain Bakun jika didapati sesuai, kata Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya negeri ini berpotensi menjana 80,000 megawatt kuasa elektrik, cukup bagi bekalan seluruh Jepun. Bakun berupaya menjanakan sejumlah 2,400 megawatt kuasa bila ia siap dalam tahun 2003 mengikut jangkaan.

"Kalau kita bangunkan secara baik, ia tidak akan menyebabkan pencemaran. Ia sebenarnya membantu kita mengindahkan alam sekitar," katanya pada persidangan berita di lapangan terbang Kuching sebelum berlepas balik setelah menamatkan lawatan rasmi tiga hari ke Sarawak.

Projek pembangunan sebenarnya boleh membantu mengindahkan alam sekitar seperti yang terdapat di Eropah.

Sekarang ada golongan dari Barat yang mahu sebahagian rakyat negara ini terus tinggal dalam hutan, katanya sebagai merujuk kepada kritikan yang dilemparkan terhadap projek Bakun.

Orang dari Eropah telah memusnahkan hutan mereka dan menjadi kaya kerana mereka boleh menjual hasil keluaran secara murah dan bila giliran negara ini berbuat demikian, mereka pula yang marah, kata Perdana Menteri.

"Mereka mahu kita mengekalkan budaya kita dan hidup di hutan tanpa persekolahan dan sebagainya. Bagi mereka tidak banyak bezanya antara kita dan haiwan, hanya baik untuk dijadikan bahan kajian," katanya.

Beliau menegaskan bahawa rakyat negara ini perlu mengekalkan budaya sendiri tetapi sebahagian budaya itu harus dikorbankan untuk pembangunan.

"Sebab itu saya katakan saya berasal daripada keluarga penanam padi yang duduk di rumah beratap nipah, tapi kita mesti tukar dan tidak selamanya mesti duduk di situ untuk kekalkan budaya ini," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa kerajaan menghadapi keadaan serba salah sama ada perlu menggunakan gas turbin atau hidro dalam penjanaan elektrik.

"Dulu kita diberitahu supaya menggunakan gas kerana negara memiliki sumber gas yang banyak. Tetapi kini kita diberitahu pula yang janakuasa gas turbin amat sensitif sehingga tak boleh ditempuh sedikit akan menyebabkan gangguan bekalan.

"Tetapi bila pakai hidro, orang kritik pula. Jadi semua tidak kena," katanya.

Mengenai kempen memburukkan projek Bakun dalam Internet, Dr Mahathir berkata kerajaan akan menggunakan saluran yang sama untuk menyatakan apa yang sebenarnya mengenai projek itu.

Katanya walaupun Internet boleh merosakkan imej negara, tetapi saluran maklumat itu juga dapat digunakan untuk menyebarkan segala maklumat daripada kerajaan tanpa tapisan.

Mengulas isu gangguan bekalan elektrik yang melumpuhkan seluruh Semenanjung selama kira-kira 12 jam Sabtu lepas, Perdana Menteri mahu Tenaga Nasional Berhad mengkaji semula segala yang mereka lakukan.

"Pada saya Tenaga Nasional mempunyai tumpuan dan pendekatan yang tidak kena," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau selalu mengarahkan anggota kabinetnya mengkaji semula setiap apa yang dilakukan setakat ini bagi memastikan ia masih betul, masih sesuai dan sama ada mereka tidak seharusnya mendekati sesuatu masalah melalui satu cara berbeza.

"Kita periksa semula apakah kita patut teruskan cara itu atau kita ubah atau kita mansuhkan sama sekali," katanya.

Beliau berpendapat pengurusan Tenaga Nasional juga perlu mengikuti pendekatan yang serupa, sama ada apa yang mereka buat bersesuaian atau tidak, atau sejajar dengan teknologi modern atau sebaliknya. -- BERNAMA  
OPP/MT NMO RON